



KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor **BUMIPUTERA** yang berdaftar di dalam kelas/ bidang berkenaan dan pendaftarannya masih berkuatkuasa untuk menjalankan kerja-kerja berikut:-

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARAF SEBUTHARGA & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK PROJEK	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
1	NO SEBUTHARGA: MPK/T/KA/5-2026 KERJA-KERJA MEMBINA BARU DEWAN TERBUKA DI TAMAN SURIA, MP KLUANG	CIDB Gred: G3 Kategori: B04 <i>Kerja-kerja Pembinaan Bangunan</i>	Diiklan : 14/07/2026 (SELASA) Tempat Dokumen Dijual : Dilaman web iperolehan.mpkluang.gov.my	16/07/2026 (KHAMIS) Pendaftaran : 10.00 Pagi	Tarikh Tutup: 23/07/2026 (KHAMIS) Sebelum atau Pada Jam 12.00 tengahari
2	NO SEBUTHARGA: MPK/T/KA/6-2026 KERJA-KERJA MEMBINA MEDAN SELERA MPK DI JALAN MOHD. SALIM, MP KLUANG	DAN CE21 <i>Pembinaan Kejuruteraan Awam</i>	Daftar dan Pembaharuan Lesen: Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Kluang, Tingkat 3, Persiaran Utama, Bandar Primer, 86000 Kluang, Johor	Tempat Taklimat : Medan Niaga Jalan Mohd Salim Koordinat : 2.037866, 103.326248	Tempat Tawaran Ditutup:- Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Kluang, Tingkat 3, Persiaran Utama, Bandar Primer, 86000 Kluang, Johor
3	NO SEBUTHARGA: MPK/T/KA/7-2026 KERJA-KERJA MEMBINA LAMAN NIAGA DI KAWASAN ZON MEGAH, MP KLUANG		Tarikh Dokumen Boleh Diperolehi: 16/07/2026 (KHAMIS) Hingga 23/07/2026 (KHAMIS)	Tempat Lawatan Tapak : Medan Niaga Jalan Mohd Salim <u>Nota:</u> Taklimat dan Lawatan Tapak adalah DIWAJIBKAN HANYA KONTRAKTOR YANG HADIR TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK SAHAJA DIBENARKAN MEMBELI DOKUMEN SEBUTHARGA	<u>DOKUMEN SEBUTHARGA YANG LEWAT DITERIMA TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN</u>

Perihal taklimat dan lawatan tapak :-

- Kontraktor dikehendaki membawa **Sijil Pendaftaran Asal dan salinan** bagi ketiga-tiga sijil **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB dan CIDB Perolehan Kerja Kerajaan)** dan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** serta **Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera** semasa Pendaftaran Taklimat dan Lawatan Tapak.
- Taklimat dan Lawatan Tapak **TIDAK BOLEH MEWAKILIKAN PEGAWAI LAIN**, hanya penama di dalam sijil disebut diatas sahaja yang boleh menghadiri. Sila bawa **Cop Syarikat** semasa pendaftaran Taklimat dan Lawatan Tapak dan semasa membeli dokumen sebutbarga

Perihal iklan :-

- Mulai 1 Januari 2018, pembelian Dokumen Sebutbarga hendaklah dibuat secara dalam talian (ONLINE) melalui laman sesawang: iperolehan.mpkluang.gov.my Kontraktor adalah dikehendaki hadir ke Kaunter Jabatan Kejuruteraan terlebih dahulu bagi tujuan pendaftaran sebelum urusan pembelian dokumen dibuat.
- Dokumen Sebutbarga dijual pada harga RM100.00 senaskah bagi Kontraktor Kelas G3.
- Dimaklumkan bahawa berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025, semua syarikat yang menyertai perolehan kerajaan adalah **DIWAJIBKAN** melampirkan **Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate – TCC)** bersama-sama dokumen sebutbarga/ tender. Kegagalan melampirkan sijil berkenaan akan menyebabkan sebutbarga/ tender tidak
- Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank daripada bank yang berlesen** dan beroperasi di Malaysia, atau melalui **Kiriman Wang Pos (Money Order)** atau **Wang Kiriman Pos Berpalang (Postal Order)** dan dibayar atas nama: **YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KLUANG**. Bayaran secara wang tunai atau cek adalah tidak diterima, selaras dengan ketetapan 1PP-PK2 perenggan 8 (iii) (e) (5).
- Setiap Penyebutharga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sahaja. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan dan sekiranya dikemukakan, tawaran tersebut akan ditolak.
- Pendaftaran dan pembaharuan lesen, penyebutharga dikehendaki membawa **Sijil Asal** beserta salinan untuk **Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil ASAL SPKK (Sijil Perolehan Kerja Kerajaan)** oleh CIDB, **Sijil Perakuan Pendaftaran** oleh CIDB, **Sijil Asal Taraf Bumiputera** oleh PKK yang masih **SAH TEMPOH LAKUNYA** dan Kad Pengenalan pemilik syarikat dan Cop Syarikat bagi pendaftaran lesen dan pembaharuan lesen syarikat.
- Penyebutharga juga dikehendaki membawa **PENDAFTARAN SSM ASAL** untuk penyemakan kawasan pendaftaran syarikat.
- Dokumen Sebutbarga yang telah lengkap diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta dicatatkan **No. Sebutbarga dan Tajuk Kerja di penjuru kanan atas sampul surat** sebelum dimasukkan ke dalam Peti Sebutbarga seperti yang dinyatakan.
- Penyebutharga yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
- Penyebutharga adalah dinasihatkan supaya melawat dan meninjau tapak bina sebelum memasuki tawaran sebutbarga. Sebarang butiran yang tidak diperhargakan adalah dianggap telah dimasukkan ke dalam butiran lain dan haruslah dilaksanakan.


(MOHD FAHMY BIN YAHYA K.B.; P.A.)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kluang

Tarikh Iklan: 14/07/2026